



## SOALAN

Bagaimanakah hendak menggunakan **semasa** dan **apabila**?

Oleh: Nur Hazirah Ismail  
P5D, Sekolah Rendah White Sands



## JAWAPAN

Semasa dan apabila tergolong dalam Kata Hubung. Namun, penggunaannya berbeza.

### 1) Penggunaan Kata Hubung 'Semasa'

Kata Hubung 'semasa' digunakan bagi menunjukkan peristiwa (atau keadaan) yang di nyatakan dalam sesuatu ayat utama itu terjadi pada waktu yang bersamaan dengan ayat sematan. Ayat contoh:

- *Rompakan itu terjadi (ayat utama) **semasa** penghuni rumah itu bercuti ke luar negeri (ayat sematan).*
- **Semasa** saya hendak menyeberang jalan (ayat sematan), *kemalangan negeri itu berlaku (ayat utama).*

Ayat (1) menunjukkan rompakan itu terjadi sama waktunya dengan pemergian penghuni rumah tersebut ke luar negeri. Sementara Ayat (2), masa kemalangan itu berlaku bersamaan atau hampir bersamaan dengan 'saya' yang hendak menyeberang jalan.

Kata Hubung yang setara penggunaannya dengan 'semasa' ialah sewaktu, ketika, dan tatkala.

### 2) Penggunaan Kata Hubung 'Apabila'

Kata Hubung 'apabila' juga mempunyai hubungannya dengan waktu tetapi bertalian dengan syarat atau mengandungi unsur kekerapan. Ayat Contoh:

- Kawasan rendah itu banjir **apabila** hujan turun dengan lebat.
- Muka pengetua itu merah padam **apabila** beliau marah.
- Tempat itu sunyi sepi **apabila** hari menjelang malam.

Ada orang mengatakan bahawa 'apabila' disamakan penggunaannya dengan "everytime".